**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**23 Sep2021 (Thursday)**

**Berita Harian**

| | |
|---|---|
| 200 tan sisa elektronik ditemui | 1 |

**Utusan Malaysia**

| | |
|---|---|
| Nama guru KAFA dipersembah kepada sultan | 2 |
| Kemensah Heights dikawal | 3 |
| Permit ,hiking dan kuasa viral | 4 |

**Harian Metro**

| | |
|---|---|
| Pulanglah dan hadapi kes di mahkamah: Jais | 5 |
| Kejayaan besar JAS | 6 |
| Tonggak Selangor FC sedia beraksi | 7 |

**Kosmo**

| | |
|---|---|
| Penuhkan masjid, surau setiap waktu | 8 |
| Kes belum dibicara, baliklah Sajat - JAIS | 9 |
| Syarikat kontraktor guna air haram bina bangunan | 10 |
| Kilang proses sisa buangan diserbu | 11 |

**Sinar Harian**

| | |
|---|---|
| JAIS akan persembah nama individu tolak vaksin kepada Sultan Selangor | 12 |
| Kerajaan negeri digesa segera pulihkan bangunan bersejarah | 13 |
| Lima PPS dibuka di Kuala Selangor | 14 |
| Mempersiapkan pelapis muda Liga-M | 15 |
| JAIS nasihat Sajat pulang, hadapi pertuduhan di mahkamah | 16 |
| 149,298 pelajar di Selangor bakal divaksin | 17 |
| 'Saya hilang idola, inspirasi' | 18 |
| Import 200 tan sisa buangan tanpa kelulusan | 19 |
| Selangor tambah had jemaah di masjid | 20 |
| MITI guna 3 strategi cerdaskan ekonomi negara | 21 |
| PKNS raih jualan RM37.8 juta | 22 |

**Berita RTM**

| | |
|---|---|
| Jenazah Bapa Menteri Besar Selangor Selamat Dikebumikan | 23 |

**Nasional FM (87.7)**

| | |
|---|---|
| Kapasiti Jemaah Solat Jumaat Ditambah Kepada 1000 Orang | 24 |

**Selangor TV**

| | |
|---|---|
| 1,500 Pelajar Di Daerah Kuala Langat Terima Vaksin Dos Pertama | 25 |
| MBI Sumbang RM50,000 Bantu Haiwan Terbiar | 26 |
| Selvax Bergerak Dun Morib Lengang, Dijangka Ramai Yang Telah Mendapat Vaksin | 27 |

**The Star**

| | |
|---|---|
| FEEDBACK NEEDED | 28 |
| PUBLIC COMPLAINTS APP | 29 |

**The Edge CEO Morning Brief**

| | |
|---|---|
| As cases drop, Selayang Hospital, Serdang hospital no longer only to Covid-19 patients | 30 |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**China Press**

A construction site was involved in illegal connection of water pipes 31
Heavy rain caused flood in many areas in Kuala Selangor, 68 families temporary stay at shelter 32
JAS Selangor cooperate with MPK seized a illegal disposal of e-waste building that contain over 200 metric tons of e-wastes 33

**Sin Chew Daily**

Dickson Tan reports in every 2 weeks to help ICR gather vaccine side effect information 34
DIY mooncake online 35

**Nanyang Siang Pau**

MPK digs into local history, explores steps towards 'Bandar Warisan Diraja' 36
Menteri Besar of Selangor is sad to see her father pass away and says "a model for me to follow in my life" 37

**Guang Ming Daily**

Selangor Environment Bureau seizure factory; Seized 200k kg of electronic waste. 38

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**23 September 2021**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 200 tan sisa elektronik ditemui |
| Muka Surat | : | 16 |

# 200 tan sisa elektronik ditemui

## JAS serbu premis operasi tanpa kebenaran hasil maklumat risikan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

**Klang:** Penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) menyerbu sebuah premis yang beroperasi tanpa kebenaran dan menemui kira-kira 200 tan sisa elektrik dan elektronik.

Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar, berkata serbuan semalam ke atas kilang di Kawasan Perindustrian Sungai Puloh itu hasil risikan sejak Ahad lalu.

Katanya, operasi bersepadu dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang (MPK) itu kejayaan terbesar JAS Selangor tahun ini dalam mematahkan aktiviti pemprosesan sisa buangan elektrik dan elektronik secara haram.

"Dianggarkan 200 beg jumbo mengandungi pelbagai jenis buangan elektrik dan elektronik seperti papan litar bercetak dan kabel wayar kuprum yang dikategorikan sebagai SW 110 dan SW 422 mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ditemui di dalam dan luar premis.

"Semasa serbuan, beberapa orang pekerja bukan warganegara sedang meleraikan komponen elektronik secara manual dan sebuah mesin penghancur turut ditemui.

"JAS menahan kelengkapan proses bagi menghentikan pencemaran mengikut peruntukan Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya dalam kenyataan semalam.

Nor Aziah berkata, siasatan awal pihaknya mengesyaki bahan buangan itu diimport dari luar negara tanpa kelulusan.

"JAS ialah Pihak Berkuasa Konvensyen Basel di negara ini dan sebarang pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual ke dalam atau ke luar negara, perlu mendapat kelulusan bertulis dari Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebagaimana yang dikehendaki mengikut Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Kertas siasatan sudah dibuka untuk tindakan pendakwaan mengikut Seksyen 34B, Seksyen 19 dan Seksyen 18(1) akta yang sama," katanya.



*JAS Selangor menemui 200 tan sisa buangan elektrik dan elektronik dalam serbuan di sebuah bangunan kilang di Kawasan Perindustrian Sungai Puloh, Klang, semalam.* (Foto ihsan JAS Selangor)

"Operasi bersepadu dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang (MPK) itu kejayaan terbesar JAS Selangor tahun ini"



*Nor Aziah Jaafar, Pengarah JAS Selangor*



*Kegiatan pemprosesan sisa buangan elektrik dan elektronik secara haram.*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Nama guru KAFA dipersembah kepada sultan |
| Muka Surat | : | 4 |

# Nama guru KAFA dipersembah kepada sultan

**SHAH ALAM:** Senarai nama guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), pegawai masjid dan jurunikah yang enggan divaksin akan dipersembahkan kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Perkara itu dimaklumkan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad selepas program suntikan vaksin untuk kumpulan itu yang diadakan di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Seramai 872 individu dalam kumpulan itu belum menerima vaksin dipanggil hadir bagi mendapatkan suntikan.

Namun, 80 peratus daripada 146 yang hadir sehingga tengah hari semalam dilaporkan enggan menerima vaksin.

"Kita masih menunggu lagi semua individu ini hadir dan selepas itu, nama mereka akan dipersembahkan kepada Sultan Selangor," katanya selepas melawat pusat pemberian vaksin berkenaan.



SEORANG penerima ditunjukkan jumlah kandungan vaksin sebelum disuntik dalam program vaksinasi khas bagi guru-guru , pegawai masjid dan jurunikah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, semalam. - UTUSAN / ZULFADHLI ZAKI

Sultan Sharafuddin pada awal September lalu bertitah bahawa pihak yang masih enggan menerima suntikan vaksin Covid-19 bakal berdepan kemungkinan untuk tidak dibenarkan meneruskan tugas selepas ini.

Dalam pada itu, Mohd. Shahzihan memberitahu, pihaknya akan mengadakan perbincangan lanjut bagi menggunakan peruntukan kuasa ke atas guru KAFA, pegawai masjid dan jurunikah yang enggan menerima vaksin Covid-19.

"Semua ini kita akan teliti dari segi hak, perundangan, hukum dan lain-lain. Pihak terbabit juga mungkin boleh dirujuk di bawah peraturan kelakuan dan tatatertib dan semua itu akan diteliti selepas ini," katanya.

Sementara itu, seorang guru sekolah agama di Kuala Langat yang enggan identitinya didedahkan memberitahu terpaksa menolak vaksin kerana menghadapi masalah kesihatan selain berasa ragu terhadap keberkesanannya.

"Kebanyakan individu yang mengambil vaksin mengalami alahan teruk, disebabkan itu saya tangguhkan dahulu pengambilan. Tambahan pula, saya masih menyusukan anak," katanya.

Pendaftar Nikah dari Teluk Datuk, Kuala Langat, Rafhan Sanusi, 49, berkata, beliau mengambil vaksin agak lewat kerana menunggu pengesahan sama ada sesuai menerima vaksin atau tidak.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Kemensah Heights dikawal |
| Muka Surat | : | 12 |

## Penduduk belum boleh pulang, kawalan kini 24 jam

# Kemensah Heights dikawal

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Polis akan terus menempatkan kawalan 24 jam di kawasan kejadian tanah runtuh di Jalan Kemensah Height dekat sini, bagi tujuan keselamatan.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, rondaan akan dilakukan setiap masa serta sekatan jalan raya turut dilakukan di kawasan tersebut.

Kata beliau, perkara ini amat penting bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian jenayah yang tidak diingini memandangkan penduduk yang terjejas masih tidak dibenarkan pulang ke kediaman mereka.

"Saya dimaklumkan kesemua penduduk terjejas ada yang tinggal sementara di rumah saudara mara dan hotel berdekatan sementara waktu.

"Sehingga kini, mereka masih tidak dibenarkan pulang, namun, penghuni boleh balik ke rumah untuk mengambil barang-barang mereka atas pengawasan polis buat sementara waktu sahaja," katanya di sini semalam.



**KEADAAN beberapa kediaman penduduk yang terlibat dalam kejadian tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights, Ampang Jaya, baru-baru ini. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

Mengulas lanjut, kata beliau lagi, laporan daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) masih belum diperoleh bagi mengetahui kawasan terbabit selamat diduduki atau tidak.

"Kerja-kerja baik pulih kawasan terjejas masih giat dilakukan, jadi, kita tidak mahu mengambil sebarang risiko jika mereka pulang dan proses ini mengambil masa sedikit," jelasnya.

Jumaat lalu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengesahkan kawasan di Jalan Kemensah Heights di sini yang dilanda tanah runtuh diisytihar sebagai kawasan bencana.

Dalam kejadian itu, sebanyak 27 keluarga terlibat dalam insiden tersebut melibatkan tiga buah rumah banglo dan 24 unit rumah bandar di sini.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

# KERATAN AKHBAR
## 23 September 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Permit ,hiking dan kuasa viral |
| Muka Surat | : | 15 |


Rencana

# Permit, *hiking* dan kuasa viral

**MUKADIMAH**

“Kalau tidak pasti, bertanyalah kepada Pejabat Hutan Daerah.”

LOKASI-LOKASI riadah di dalam hutan kini menjadi salah satu pilihan kepada orang ramai terutama pada hujung minggu dan cuti umum. – UTUSAN/AFIQ RAZALI



MOHD. Ridza Awang ditemu bual wartawan *Utusan Malaysia*, Zabry Mohamad Madzlan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

## Malim gunung hutan

## Bawa turun 3 tan sampah

“Pengunjung terdedah dengan pelbagai risiko semasa berada dalam HSK. Keselamatan pengunjung adalah tanggungjawab individu.”

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Pulanglah dan hadapi kes di mahkamah: Jais |
| Muka Surat | : | 2 |

# Pulanglah dan hadapi kes di mahkamah: Jais

**Shah Alam:** Usahawan kosmetik Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 36, atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat dinasihati kembali ke negara ini bagi menghadapi kes pertuduhan membabitkan dirinya di mahkamah.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, isu yang dihadapi usahawan itu membabitkan undang-undang dalam negara ini dan tidak perlu dijadikan isu di peringkat antarabangsa.

"Pulanglah sahaja ke Malaysia dan hadapilah kes di mahkamah. Tiada siapa yang mengugutnya terutama kakitangan Jais.

"Kita mempunyai ramai peguam yang baik di negara ini yang boleh mewakilinya di mahkamah dan belum tentu Jais boleh menang.

"Dia belum tentu lagi disabitkan bersalah di mahkamah selagi mana kes belum dibicarakan," katanya ketika diminta mengulas penahanan usahawan kosmetik itu oleh pihak berkuasa di Thailand baru-baru ini.

Terdahulu, beliau menghadiri Program Pemberian Vaksin melalui Pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Khas bagi individu yang belum menerima vaksin melalui usahasama Jais dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) di Masjid Negeri di sini, semalam.

Mohd Shahzihan berkata, Nur Sajat tidak sepatutnya menjadikan kes itu sebagai bahan propaganda untuk menghalalkan tindakannya.

"Jangan jadikan kes itu sebagai propaganda dan hadapi perbicaraan bagi menentukan sama ada dia bersalah atau tidak sahaja," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Kejayaan besar JAS |
| Muka Surat | : | 22 |

# Kejayaan besar Jas

## *Serbu bangunan kilang rampas lebih 200 tan sisa buangan elektronik*

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

**Klang**

Kejayaan besar dicapai Jabatan Alam Sekitar (Jas) apabila berjaya membongkar aktiviti memproses sisa buangan elektrik dan elektronik membabitkan rampasan seberat lebih 200 tan.

Ia susulan serbuan sepasukan pegawai penguat kuasa Jas Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) di sebuah premis di sini kelmarin.

Pengarah Jas Selangor, Nor Aziah Jaafar memaklumkan, serbuan ke atas bangunan kilang di kawasan perindustrian Sungai Puloh itu dijalankan hasil risikan jabatan itu sejak Ahad lalu.

> *Ketika serbuan, beberapa pekerja bukan warganegara sedang meleraikan komponen elektronik secara manual"*
>
> **Nor Aziah**

Katanya, ia adalah kejayaan terbesar Jas Selangor tahun ini dalam mematahkan aktiviti pemprosesan sisa buangan elektrik dan elektronik secara haram.

"Menerusi serbuan itu, dianggarkan 200 beg mengandungi pelbagai jenis buangan elektrik dan elektronik seperti papan litar bercetak dan kabel wayar kuprum yang dikategorikan mengikut Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ditemui di dalam dan luar premis.

"Ketika serbuan, beberapa pekerja bukan warganegara sedang meleraikan komponen elektronik secara manual.

"Tindakan serta-merta diambil dengan menahan operasi kilang mengikut peruntukan Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974," katanya, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal pihaknya turut mengesyaki bahan buangan itu diimport dari luar negara tanpa sebarang kelulusan.

"Sebarang pengimportan dan pengeksportan buangan berjadual ke dalam atau ke luar negara perlu mendapat kelulusan bertulis dari Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebagaimana dikehendaki mengikut Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

"Kertas siasatan sudah dibuka untuk tindakan pendakwaan mengikut Seksyen 34B, Seksyen 19 dan Seksyen 18(1) Akta yang sama," katanya.



JAS Selangor temui 200 tan sisa buangan elektrik dan elektronik menerusi serbuan di sebuah bangunan kilang di kawasan perindustrian Sungai Puloh, kelmarin. - Gambar ihsan Jas Selangor

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Tonggak Selangor FC sedia beraksi |
| Muka Surat | : | 46 |



HEUBACH (kiri) dijangka kembali membarisi kesebelasan utama skuad Red Giants.

# Tonggak Selangor FC sedia beraksi

**Kuala Lumpur:** Menjelang sepak mula Piala Malaysia Ahad ini, pasukan Selangor FC menerima berita gembira apabila beberapa pemain utama yang mengalami kecederaan bersedia untuk dipertaruhkan pada aksi pertama menentang Perak FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Pengurus pasukan, Mahfizul Rusydin Abdul Rashid berkata, masalah kecederaan yang membelenggu pasukan dilihat sedikit sebanyak mengganggu rentak pasukan pada pertengahan saingan Liga Super sebelum ini.

Namun selepas sesi rawatan dan pemulihan dijalankan selama beberapa bulan, dua tonggak import iaitu Safuwan Baharudin dan Tim Heubach dijangka kembali membarisi kesebelasan utama skuad Red Giants.

"Beberapa pemain yang alami kecederaan panjang seperti Safuwan dan Tim dah nampak kembali normal dan mungkin akan bermain semula nanti.

"Ini satu petanda baik buat pasukan di mana kita menyasarkan untuk layak ke suku akhir terlebih dulu dan kemudian baru melihat peluang ke peringkat seterusnya.

"Sudah tentu kita mahu melangkah lebih jauh dan kehadiran pemain ini dapat beri keseimbangan dan menambah pilihan buat jurulatih apabila Piala Malaysia bermula Ahad ini menentang Perak," katanya kepada Arena Metro.

Dalam saingan Piala Malaysia edisi ke-100 tahun ini, juara sebanyak 33 kali itu diletakkan dalam kumpulan 'maut' bersama Terengganu FC, Perak FC dan Kuching FC dari Kumpulan B.

Menurut Mahfizul, kemenangan ke atas skuad The Bos Gaurus dianggap mustahak bagi menambah keyakinan pasukan sebelum turun menentang Terengganu FC selepas itu.

"Perlawanan kedua agak sukar apabila bertemu Terengganu, justeru pemain perlu cuba meraih keputusan positif ketika menentang Perak nanti.

"Kita jangka aksi dengan Terengganu pasti sukar dan kita perlu raih tiga mata pada hujung minggu ini," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Penuhkan masjid, surau setiap waktu |
| Muka Surat | : | 5 |

Kehadiran jemaah solat Jumaat, fardu dinaikkan antara 100 hingga 1,000 orang

# Penuhkan masjid, surau setiap waktu

**Oleh ABDUL RAZAK IDRIS**

**SHAH ALAM** – Umat Islam harus memenuhi saf di masjid dan surau untuk solat lima waktu bukan sekadar solat Jumaat sahaja, kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad.

Menurutnya, apabila kebenaran diberikan pihak JAIS berhubung aktiviti solat di masjid, sepatutnya umat Islam mengambil peluang untuk berjemaah.

"Kita tidak mahu orang ramai hanya memenuhi masjid semasa solat Jumaat sahaja, sebaliknya untuk solat fardu lima waktu juga.

"Apabila kebenaran diberikan untuk solat fardu lima waktu, jangan hanya dua saf sahaja ahli kariah yang hadir," katanya selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Syarahan dan Muzakarah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman.

Berdasarkan pekiliing dikeluarkan JAIS berkuat kuasa semalam, kehadiran jemaah bagi menunaikan solat Jumaat dan



**MOHD. SHAHZIHAN**

fardu di Selangor dipertingkatkan antara 100 hingga 1,000 orang.

Kebenaran itu tertakluk kepada mereka yang telah lengkap dua suntikan vaksinasi dan melepasi tempoh inkubasi ditetapkan selama 14 hari.

Mengulas lanjut, Mohd. Shahzihan menegaskan, kebenaran untuk solat tertakluk kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

"SOP seperti sudah mengambil dua dos vaksin, memakai pelitup separa muka dan menjaga penjarakan fizikal perlu dipatuhi.



**HANYA individu lengkap vaksinasi dibenarkan berjemaah di masjid, surau pada setiap waktu solat.** – GAMBAR HIASAN

"Hadirlah untuk berjemaah apabila kebenaran diberikan. Patuhi SOP yang ditetapkan bagi mengekang pandemik Covid-19," tegasnya.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Shahzihan memberitahu, pihaknya akan mempersembahkan senarai nama individu yang menolak pengambilan vaksin Covid-19 kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, esok.

Menurutnya, senarai nama tersebut membabitkan guru-guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pentadbir masjid dan penolong pendaftar nikah di Selangor.

Jelasnya, seramai 827 individu yang terlibat telah dipanggil bagi mendapatkan suntikan vaksin berkenaan menerusi program vaksinasi khas di PPV Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam di sini.

"Sehingga pukul 11 pagi tadi (semalam) dapat dilihat jumlah kehadiran adalah seramai 146 orang dan 80 peratus daripadanya menolak untuk mengambil vaksin.

"Kita masih menunggu lagi semua individu ini hadir sehingga pukul 3 petang dan selepas itu, nama mereka akan dipersembahkan kepada Sultan Selangor," jelasnya.

Sultan Sharafuddin pada awal September lalu bertitah bahawa pihak yang masih enggan menerima suntikan vaksin Covid-19 bakal berdepan kemungkinan untuk tidak dibenarkan meneruskan tugas selepas ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Shahzihan berkata, perbincangan secara lanjut akan dilakukan terhadap tindakan yang boleh dikenakan mengikut peruntukan kuasa yang ada kepada mereka yang enggan mengambil suntikan tersebut.

"Semua ini kita akan teliti dari segi hak, perundangan, hukum dan lain-lain. Pihak terbabit juga mungkin boleh dirujuk di bawah peraturan kelakuan dan tatatertib selepas ini," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **23 September 2021** | | |
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kes belum dibicara, baliklah Sajat - JAIS |
| Muka Surat | : | 7 |



SAJAT




KERATAN *Kosmo!* bertarikh 27 Februari 2021.

# Kes belum dibicara, baliklah Sajat – JAIS

**SHAH ALAM** – Usahawan kosmetik kontroversi, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau Nur Sajat diminta pulang ke negara ini berikutan tiada sesiapa mengugutnya terutama daripada kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pengarah JAIS, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad, kes yang dihadapi Muhammad Sajjad juga melibatkan undang-undang di negara ini dan tidak perlu baginya menjadikan ia sebagai isu antarabangsa.

"Pulanglah saja ke Malaysia dan hadapi kes di mahkamah. Tiada siapa yang mengugutnya terutama kakitangan JAIS.

"Kita mempunyai ramai peguam yang baik di negara ini boleh mewakili dia di mahkamah. Belum tentu JAIS boleh menang," katanya pada sidang akhbar di Dewan Syarahan Dan Muzakarah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan Polis Diraja Malaysia mengesahkan Sajat ditangkap pihak imigresen Thailand, pada pukul 6 petang 8 September lalu.

Mengulas lanjut, Mohd. Shahzihan berasa hairan terhadap tindakan Muhammad Sajjad yang perlu melibatkan Imigresen Australia dalam masalah yang dihadapinya.

"Kes belum dibicarakan, belum tentu dia bersalah atau tidak di mahkamah.

"Jangan jadikan kes ini sebagai propaganda. Hadapi perbicaraan bagi menentukan sama ada dia bersalah atau tidak itu sahaja," tegasnya.

Nur Sajat pada 9 September lalu didakwa di mahkamah Thailand atas kesalahan berkaitan imigresen di negara terbabit, namun dia dibebaskan dengan jaminan A$$2,000 (RM8,343) yang dibuat seorang warga tempatan.

Dia dilaporkan mendaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian setelah pasportnya 'dibatalkan' dan meminta suaka di Australia.

Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 23 Februari lalu mengeluarkan waran tangkap terhadap Sajat kerana gagal hadir pada prosiding kes berpakaian wanita tiga tahun lalu.

Dalam pada itu, Wan Besi atau nama sebenarnya, Wan Azhar Harun, tampil menafikan penglibatannya membawa keluar Sajat dari Padang Besar, Perlis hingga ke Bangkok.

"Saya tidak terlibat dengan laporan yang kaitkan nama saya," ujarnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Syarikat kontraktor guna air haram bina bangunan |
| Muka Surat | : | 17 |

# Syarikat kontraktor guna air haram bina bangunan

**CYBERJAYA** – Tindakan licik sebuah syarikat kontraktor 'mencuri' bekalan air terawat milik Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) terbongkar apabila diserbu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kelmarin.

SPAN dalam satu kenyataan berkata, perbuatan syarikat itu terbongkar selepas pihaknya menjalankan siasatan dan risikan ke atas sebuah tapak projek pembangunan di ibu negara.

Katanya, siasatan menemui dua sambungan paip secara terus dari paip utama Air Selangor.

"Siasatan mendapati, bekalan air itu disyaki digunakan bagi tujuan tapak pembinaan dan penggunaan harian pekerja.

"Tindakan pemotongan bekalan air dilakukan serta-merta dan kontraktor tapak pembinaan yang bertanggungjawab akan dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)," katanya dalam kenyataan itu kelmarin.

Tambahnya, sabit kesalahan, kontraktor itu boleh didenda RM100,000 atau dipenjara setahun atau kedua-duanya sekali.

SPAN sentiasa komited membanteras aktiviti penyambungan bekalan air secara menyalahi undang-undang.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi talian **013-3885 000** atau e-mel ke *aduan@span.gov.my*.



**SAMBUNGAN paip yang ditemui ketika operasi di Kuala Lumpur kelmarin.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kilang proses sisa buangan diserbu |
| Muka Surat | : | 18 |

Lerai komponen elektrik, elektronik secara haram

# Kilang proses sisa buangan diserbu

**Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED**

**KLANG** – Kegiatan sebuah kilang memproses lebih 200,000 kilogram (kg) sisa buangan elektrik dan elektronik secara haram terbongkar selepas diserbu pihak berkuasa di daerah ini kelmarin.

Serbuan lebih dua jam bermula pukul 10.30 pagi itu dilakukan penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, kejayaan itu hasil risikan pihaknya sejak Ahad lalu dan ketika serbuan dilakukan, beberapa pekerja warga asing sedang meleraikan komponen elektronik secara manual.

"Hasil pemeriksaan menemui 200 beg berisi pelbagai bahan buangan elektrik dan elektronik seperti papan litar bercetak serta kabel wayar kuprum selain sebuah mesin penghancur. Berat kesemua beg itu lebih 200,000kg.

"Siasatan awal turut mengesyaki bahan buangan berkenaan diimport tanpa sebarang kelulusan. Ini adalah rampasan terbesar berjaya dilakukan JAS Selangor tahun ini," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sisa buangan itu dikategorikan sebagai bahan terjadual dengan kod SW110 dan SW422 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Menurutnya, tindakan menahan operasi kelengkapan proses telah dilakukan serta-merta bagi menghentikan pencemaran mengikut Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"JAS adalah *Focal Point* dan Pihak Berkuasa Konvensyen Basel bagi Malaysia dengan sebarang pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual ke dalam atau ke luar Malaysia hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

"Kita telah membuka kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan mengikut Seksyen 34B, Seksyen 19 dan Seksyen 18(1) akta sama," tegasnya.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, kilang terbabit didapati tidak mempunyai lesen beroperasi yang sah dan satu notis penutupan serta kompaun telah dikeluarkan serta-merta terhadap pengusaha premis.



**SEBAHAGIAN beg yang berisi bahan buangan elektrik dan elektronik yang ditemui di sebuah premis di Klang kelmarin.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | JAIS akan persembah nama individu tolak vaksin kepada Sultan Selangor |
| Muka Surat | : | 4 |



# JAIS akan persembah nama individu tolak vaksin kepada Sultan Selangor

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan mempersembahkan senarai nama individu yang menolak pengambilan vaksin Covid-19 kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada Jumaat ini.

Semua senarai nama terlibat adalah membabitkan guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa), pentadbir masjid dan penolong pendaftar nikah di negeri ini.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, menerusi program vaksinasi khas yang dianjurkan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam di sini pada Rabu, seramai 872 individu terlibat telah dipanggil bagi mendapatkan suntikan vaksin tersebut.

"Sehingga jam 11 pagi tadi (Rabu), dapat dilihat jumlah kehadiran adalah seramai 146 orang dan 80 peratus daripadanya menolak untuk mengambil vaksin" katanya di sini pada Rabu.

Sultan Sharafuddin pada awal September lalu bertitah bahawa pihak yang masih enggan menerima suntikan vaksin Covid-19 bakal berdepan kemungkinan untuk tidak dibenarkan meneruskan tugas selepas ini.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Kerajaan negeri digesa segera pulihkan bangunan bersejarah |
| Muka Surat | : | 6 |

# Kerajaan negeri digesa segera pulihkan bangunan bersejarah

**TELUK INTAN** - Persatuan Pencinta Sejarah Masyarakat Perak membantah usaha pihak tertentu menjual tanah Istana Raja Muda Perak di sini atas nama pembangunan.

Setiausahanya, Iskandar Zulqarnain Zaheruddin berkata, Istana Raja Muda Perak berkenaan merupakan lambang bagi institusi diraja di sini yang perlu dikekalkan.

Jelas beliau, bangunan itu sepatutnya dipertahankan demi meneruskan legasi seperti mana kerajaan negeri Selangor yang boleh dijadikan rujukan terbaik dengan menukarkan peranan sebuah istana lama di Klang menjadi kolej agama Islam sekali gus mengekalkannya.

"Baru sahaja pada tahun lepas, kami berjaya menaikkan papan tanda yang memaparkan maklumat sejarah Istana Raja Muda Perak ini dengan 20 tapak sejarah lain di Teluk Intan melalui projek Jejak Warisan Teluk Intan.

"Dua tahun kami bertungkus lumus menjalankan projek demi melestarikan warisan sejarah yang ada.

"Namun, nampaknya tidak lama lagi kawasan ini mungkin tinggal papan tanda sejarah jika tidak berjaya dipertahankan daripada dijual," katanya kepada Rabu.

Menurutnya, istana yang dibina pada awal 1920-an itu didiami Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz yang merupakan Raja Muda pertama mendiami istana itu dan diteruskan oleh Raja Muda Yussuf, Raja Idris Shah, Raja Muda Musa dan Raja Ahmad Siffuddin Shah.

Iskandar Zulqarnain berkata, Istana Raja Muda Perak mungkin menerima nasib yang sama seperti Istana Larut di Taiping dan Istana Raja Bendahara di Ipoh yang lenyap atas faktor pembangunan.



**Iskandar Zulqarnain berdiri di hadapan Istana Raja Muda Perak, Teluk Intan yang dilaporkan ditender secara terbuka untuk dijual.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Lima PPS dibuka di Kuala Selangor |
| Muka Surat | : | 13 |

# Lima PPS dibuka di Kuala Selangor

Seramai 191 mangsa daripada 61 keluarga terjejas akibat banjir yang melanda di daerah itu sejak Sabtu

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**KUALA SELANGOR**



Rumah penduduk dinaiki air dalam kejadian banjir yang melanda beberapa kawasan di Kuala Selangor sejak Sabtu.

Sebanyak lima Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka di daerah Kuala Selangor berikutan banjir melanda beberapa kawasan di daerah itu sejak Sabtu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Kuala Selangor, Mohd Faizal Abdul Raji berkata, lima PPS itu ialah di Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang, Bestari Jaya; SK Parit Mahang, Ijok; SK Pasangan, Bestari Jaya; SK Sultan Abdul Aziz Shah, Bestari Jaya dan SK Bukit Belimbing, Kuala Selangor.

Menurut beliau, jumlah mangsa banjir keseluruhan di daerah itu ialah 191 mangsa daripada 61 keluarga.

"Agensi terlibat bagi membantu operasi pemindahan dan PPS ialah Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Majlis Perbandaran Kuala Selangor, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Kuala Selangor, polis dan bomba.

"Agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Mohd Faizal berkata, PPS di SK Rantau Panjang menempatkan seramai 90 mangsa daripada 27 keluarga mula beroperasi pada Ahad.

Katanya, kejadian banjir berlaku di Jalan Rantau Panjang pada jam 5.30 pagi, bagaimanapun paras air telah surut sepenuhnya pada jam 12 tengah hari dan PPS ditutup pada hari ini (Rabu)," katanya.

Menurutnya, PPS SK Parit Mahang pula dibuka pada Isnin sehingga kini membabitkan seramai tujuh mangsa daripada empat keluarga.

"Kejadian membabitkan Jalan Bahagia, Parit Mahang dan kita dapati paras air masih belum surut," jelasnya.

Beliau berkata, PPS SK Pasangan pula menempatkan seramai 49 mangsa daripada 16 keluarga.

"Kejadian air melimpah berlaku pada jam 9.30 pagi Selasa dan sehingga kini semua mangsa masih berada di PPS berikutan air belum surut," ujarnya.

Selain itu, katanya, dua PPS dibuka ialah di SK Sultan Abdul Aziz dan SK Bukit Belimbing disebabkannya banjir di Kampung Kuantan.

"SK Sultan Abdul Aziz dibuka pada jam 9 malam Selasa menempatkan seramai 25 mangsa dan 11 keluarga.

"PPS paling terbaharu dibuka ialah di SK Bukit Belimbing yang mula beroperasi jam 12.47 pagi Rabu.

"PPS ini membabitkan seramai 20 mangsa daripada tiga keluarga di Kampung Rangkaian Lubuk Jaya dan pemantauan mendapati paras air masih belum surut dan PPS masih dibuka," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, semua fasiliti PPS telah disanitasi oleh pihak bomba sebelum semua mangsa banjir yang terlibat dipindahkan.

"Kit bencana banjir telah diserahkan kepada mangsa yang terjejas," katanya.

Menurutnya, dalam tempoh Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), semua mangsa banjir telah menjalani ujian saringan awal simptom Covid-19 dan pemeriksaan MySejahtera sebelum memasuki PPS.

"Semua agensi yang terlibat juga sentiasa memastikan mangsa dan petugas mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang berkuat kuasa dalam menguruskan bencana ini," kata beliau.



Beberapa kawasan rumah penduduk yang dinaiki air.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Mempersiapkan pelapis muda Liga-M |
| Muka Surat | : | 16 |

# Mempersiapkan pelapis muda Liga-M



ANALISIS MUKA 16

ZURAIMEE ZAINAL

PERAK FC II mengucapkan selamat tinggal kepada Liga Malaysia (Liga-M) apabila menoktahkan perjalanan terakhir kelab pembangunan (feeder club) Perak FC dengan kekalahan 0-2 kepada Kuching City dalam aksi Liga Premier di Stadium Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada Selasa. Keputusan itu menyaksikan skuad kendalian pengendali yang juga bekas pemain Perak, Syamsul Mohd Saad melabuhkan tirai di kedudukan ke-10 saingan liga selepas mengumpul 17 mata hasil empat kemenangan, lima seri dan 11 kekalahan setelah mengharungi 20 perlawanan.

Sesuatu yang sewajarnya dibanggakan dengan pengunaan dalam kalangan pemain muda apabila mampu menyaingi kelab lawan yang dibarisi pemain berpengalaman dan menandingi susuk tubuh tonggak import sekali ganda berbanding pemain tempatan.

Menariknya sebelum itu, Perak FC II disahkan tersingkir ke saingan Liga M3 bukan dengan cara biasa-biasa, namun secara automatik setelah kelab induk Perak FC diturunkan pangkat ke Liga Premier musim depan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Liga Bola Sepak Malaysia (MFL), Stuart Ramalingam, penyingkiran Perak FC II diputuskan berdasarkan Manual Liga Malaysia Artikel 3.19.6 Peraturan Reserve Team. Peraturan tersebut menyatakan pasukan berstatus kelab pembangunan secara automatik akan tersingkir daripada kejuaraan sekiranya kelab induk mereka jatuh liga.

Untuk rekod, Perak FC mengakhiri saingan Liga Super pada kedudukan ke-11 apabila mengutip 16 mata selepas mengharungi 22 perlawanan dengan melakar empat kemenangan, empat seri dan 14 kekalahan.

Isu kelab pembangunan kembali mewarnai saingan Liga-M musim ini apabila Persatuan Bola Sepak Perak (PAFA) sebelum itu mengumumkan pembubaran Perak FC II setelah kelab induk atau utama tersingkir ke saingan Liga Premier musim depan.

Alasan utama diberikan PAFA adalah dalam tempoh dua tahun ini mahu memberikan sepenuh tumpuan untuk mempersiapkan dan menstabilkan semula Perak FC pada saingan Liga Premier musim depan sebelum kembali semula bersaing dalam saingan Liga Super.

Situasi ini menyaksikan Perak II yang dijenamakan dari kelab bola sepak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) pada penghujung 2019 menjadi anggota pertama dalam keluarga empat beradik kelab pembangunan - Johor Darul Ta'zim FC II (Johor FA), Terengganu FC II (T-Team) dan Selangor FC 2 (PKNS) meninggalkan Liga-M.

**Menyelusuri asal usul**

Istilah kelab pembangunan, feeder club atau reserve club dulu merupakan sesuatu yang asing dalam kalangan jemaah pencinta bola sepak negara ini, walaupun pendekatan bola sepak moden tersebut telah lama berakar umbi dalam beberapa kejuaraan liga di Eropah sebelum ini.

Beberapa kelab besar Eropah di Jerman dan Sepanyol masih menggunakan falsafah kelab pembangunan pendekatan menjadi penyokong atau kilang pembekalan pemain-pemain pelapis secara berterusan kepada kelab induk atau utama.

**Kembali matlamat asal**

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Mohd Sadek Mustaffa, secara realitinya dalam konteks bola sepak Malaysia untuk menguruskan kelab pembangunan yang beraksi di dua liga teratas memerlukan kos operasi yang tinggi dan hal inilah yang mengekang banyak pasukan bola sepak negeri.

Malah menurut Mohd Sadek, situasi menjadi lebih parah apabila kebergantungan penajaan terhadap kelab utama mengalami kemerosotan dalam dua tahun terakhir impak pandemik Covid-19.

Kehadiran kelab pembangunan dalam saingan Liga-M sejak beberapa tahun kebelakangan ini sememangnya diakui memeriahkan saingan lagi dua saingan liga teratas negara yang sarat drama, aksi dan air mata.

Malah pembubaran Perak FC II seharusnya tidak mematikan jiwa-jiwa komuniti bola sepak tempatan khasnya penyokong-penyokong The Bos Gaurus untuk terus memartabatkan sukan paling popular negara ini, sebaliknya ini masa terbaik menambahbaik sistem peringkat akar umbi Piala Presiden dan Piala Belia demi lencana di dada dan tanah tumpah darahku....

** Zuraimee Zainal ialah Penolong Editor Meja Sukan*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | JAIS nasihat Sajat pulang, hadapi pertuduhan di mahkamah |
| Muka Surat | : | 17 |

# JAIS nasihat Sajat pulang, hadapi pertuduhan di mahkamah

**SHAH ALAM -** Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menasihati usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 36, atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat untuk pulang ke tanah air bagi menghadapi kes melibatkannya dengan pihak berkuasa agama negeri itu.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, Nur Sajat belum tentu disabitkan bersalah di mahkamah selagi kes tersebut belum dibicarakan.

Menurutnya, perkara tersebut melibatkan undang-undang di Malaysia, justeru Nur Sajat tidak perlu menjadikannya sebagai isu di peringkat antarabangsa.

"Pulanglah sahaja ke Malaysia dan hadapilah kes di mahkamah. Tiada siapa yang mengugutnya terutama kakitangan JAIS.

"Kita mempunyai ramai peguam yang baik di negara ini yang boleh mewakilinya di mahkamah dan belum tentu JAIS boleh menang," katanya kepada pemberita selepas lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Syarahan dan Muzakarah di sini pada Rabu.


NUR SAJAT

Isnin lalu, Bukit Aman mengesahkan bahawa Nur Sajat telah ditangkap pada 8 September lalu oleh pihak berkuasa Thailand atas kesalahan memiliki pasport tidak sah.

Dalam pada itu, Mohd Shahzihan berharap agar kes itu tidak dijadikan bahan propaganda dengan melibatkan pihak imigresen Australia dalam isu yang dihadapi Nur Sajat ketika ini.

"Jangan jadikan kes ini sebagai propaganda. Perbicaraan adalah untuk menentukan sama ada dia bersalah atau tidak sahaja," jelas beliau.

Nur Sajat dikenakan waran tangkap sebelum ini selepas gagal hadir sebutan semula pertuduhan berpakaian wanita di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor.

Pada 6 Januari lalu, Nur Sajat mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Syarie Mohamad Khalid SHaee@Shaii.

Dia didakwa melakukan perbuatan tersebut dalam majlis bacaan Yasin dan solat hajat pada jam 7.30 malam, 23 Februari 2018 di premis kecantikannya, Nursajat Beauticion, Jalan Serai Wangi G16/G, Seksyen 16, Shah Alam.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 10(a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang memperuntukkan hukuman tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | 149,298 pelajar di Selangor bakal divaksin |
| Muka Surat | : | 22 |

# 149,298 pelajar di Selangor bakal divaksin

**SHAH ALAM** - Seramai 149,298 pelajar di Selangor bakal menerima vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja di negeri itu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, terdapat sebanyak 399 buah sekolah terdiri daripada sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM); Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan swasta di negeri berkenaan.

Menurutnya, bilangan pelajar Tingkatan Empat dan Lima di Selangor seramai 142,203 orang tidak termasuk 6,095 pelajar tinggal di asrama di luar negeri tetapi menetap di Selangor.

"Sehingga Isnin, seramai 2,529 pelajar sudah mendapat suntikan vaksin dos pertama," katanya pada Rabu.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Saya hilang idola, inspirasi' |
| Muka Surat | : | 22 |

# 'Saya hilang idola, inspirasi'

## MB Selangor sifatkan pemergian bapanya satu kehilangan besar buat keluarga

FOTO: BERNAMA



Amirudin (kiri) menyiram air mawar di pusara bapanya di Tanah Perkuburan Islam Kampung Parit Asam Kumbang pada Rabu.

**PONTIAN**

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menyifatkan pemergian bapanya sebagai satu kehilangan besar buat keluarga memandangkan Allahyarham merupakan idola dan inspirasi anak-anak dalam menjalani kehidupan.

Amirudin berkata, bapanya, Shari Mokhsin, 67, juga merupakan insan yang cekal dalam membesarkan enam orang anaknya.

"Abah ajar saya menjadi orang yang tabah dengan melihat pengalamannya melalui kehidupan, bermula sebagai pegawai am, pekebun kecil-kecilan dan juga pemandu teksi.

"Itu yang menjadi inspirasi buat kami sekeluarga. Kami kehilangan idola dalam keluarga kerana beliau merupakan contoh insan yang penyabar dan tenang dalam menghadapi liku-liku kehidupan," katanya kepada pemberita selepas pengebumian bapanya di Kampung Parit Asam Kumbang, Benut pada Rabu.

Amirudin yang merupakan anak kedua daripada enam beradik itu berkata, bapanya disahkan meninggal dunia akibat serangan jantung kira-kira jam 5.30 petang Selasa.

Allahyarham Shari meninggalkan isteri, Urian Parmin, 67, bersama enam orang anak dan 22 cucu.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Parit Asam Kumbang.

Pada Selasa, Amirudin menerusi ciapan di Twitter memaklumkan sempat berkomunikasi dengan bapanya pada jam 1.27 tengah hari melalui WhatsApp sebelum menerima berita kematian arwah pada 5.30 petang. - *Bernama*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Import 200 tan sisa buangan tanpa kelulusan |
| Muka Surat | : | 24 |

# Import 200 tan sisa buangan tanpa kelulusan

**KLANG -** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) menyerbu sebuah premis yang beroperasi secara haram menghasilkan sisa buangan elektrik dan elektronik seberat 200 tan pada Selasa.

JAS dalam satu kenyataan pada Rabu memaklumkan, hasil risikan pihaknya sejak Ahad lalu berjaya menemukan sekitar 200 beg besar yang mengandungi pelbagai jenis buangan elektrik dan elektronik.



**Tindakan serta-merta bagi menghentikan pencemaran telah diambil di bawah peruntukan Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.**

Antara yang ditemui ialah papan litar bercetak dan kabel wayar kuprum dikategorikan sebagai SW 110 dan SW 422 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 yang diletakkan di dalam dan luar premis.

Menurut hantaran tersebut, mereka turut menemui beberapa pekerja warga asing sedang meleraikan komponen-komponen elektronik secara manual dan sebuah mesin penghancur.

"Siasatan awal pihak JAS turut mengesyaki buangan-buangan tersebut diimport dari luar negara tanpa sebarang kelulusan.

"Tindakan serta-merta iaitu menahan operasi kelengkapan proses bagi menghentikan pencemaran telah diambil di bawah peruntukan Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," kata kenyataan itu pada Rabu.

Dalam pada itu, JAS Selangor berkata, sebuah kertas siasatan turut dibuka untuk tindakan pendakwaan di bawah Seksyen 34B Seksyen 19 dan Seksyen 18(1) akta yang sama.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor tambah had jemaah di masjid |
| Muka Surat | : | 24 |

# Selangor tambah had jemaah di masjid

Sultan Selangor berkenan tingkatkan jumlah jemaah solat Jumaat, fardu

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Selangor membenarkan seramai 1,000 jemaah bagi menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri) sepanjang Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Selain itu, bagi masjid-masjid lain pula, seramai 500 jemaah ditetapkan bagi menunaikan solat Jumaat secara berjemaah.

Perkembangan itu dimaklumkan menerusi satu edaran dalaman dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang berkuat kuasa pada Rabu sehingga satu tempoh ditentukan kelak.

Selain itu, Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong; Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya dan masjid institusi pula masing-masing ditetapkan seramai 500 jemaah termasuk pentadbir masjid bagi solat Jumaat manakala 300 jemaah bagi solat lima fardu lima waktu.

Masjid pengurusan pula ditetapkan seramai 400 jemaah bagi solat Jumaat dan 300 bagi solat fardu.

"Bagi surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat, seramai 250 jemaah termasuk pentadbir masjid dibenarkan bagi solat Jumaat dan 200 jemaah pula bagi solat lima waktu.

"Surau kariah dan musolla pula ditetapkan seramai 100 jemaah termasuk pentadbir bagi solat lima waktu," kata edaran itu.



Seramai 1,000 jemaah dibenarkan solat Jumaat di Masjid Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sementara itu, Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, Sultan Selangor telah membuka ruang yang seluasnya kepada seluruh jemaah dengan kelonggaran yang diberikan ini dan ia sewajarnya dimanfaatkan dengan sebaiknya.

"Baginda bukan sahaja berkenan tingkatkan jumlah jemaah bagi solat Jumaat malah turut membabitkan solat fardu agar semua jemaah dapat penuhkan masjid," katanya selepas mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaskin (PPV) Dewan Syarahan dan Muzakarah di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya juga berharap agar seluruh jemaah dapat mematuhi peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | MITI guna 3 strategi cerdaskan ekonomi negara |
| Muka Surat | : | 29 |

# MITI guna 3 strategi cerdaskan ekonomi negara

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menggunakan tiga pendekatan utama dalam usaha untuk memastikan ekonomi terus berjalan dengan lebih baik.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pendekatan itu merangkumi pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang disifatkan sebagai pemangkin untuk membuka semula ekonomi secara selamat dan bersistematik.

Menurut beliau, negara berada di landasan terbaik dalam merangsang permintaan domestik memandangkan kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa telah melebihi 80 peratus.

"Kedua, kerajaan juga akan terus memperkukuhkan asas-asas ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar perdagangan dan pelaburan yang terbuka, telus serta mesra perniagaan.

"Ini termasuk usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan bagi meratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

"Ketiga, Malaysia akan terus mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi, berorientasikan teknologi termaju berpandukan NIA yang turut memberi fokus kepada kelestarian jangka masa panjang dengan menekankan elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)," katanya,

Beliau berkata demikian ketika sesi penggulungan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat pada Rabu.

Mengulas mengenai isu berkaitan pelaburan langsung asing (FDI) negara, Mohamed Azmin berkata, kerajaan mengambil maklum akan landskap semasa yang dijangkakan kekal mencabar dan kompetitif.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan telah mengambil tindakan agresif dan berterusan bukan sekadar untuk mengawal penyusutan tetapi turut mencerdaskan pelaburan asing negara dan merealisasikan pemulihan ekonomi negara.

"Hasil daripada tindakan ini, Malaysia terus merekodkan pencapaian yang memberangsangkan.

"Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021, sejumlah RM107.5 bilion pelaburan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama direkodkan melibatkan 2,110 projek yang dijangka dapat menjanakan 44,994 peluang pekerjaan.

"Pelaburan langsung asing yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 melonjak sebanyak 214.9 peratus kepada RM62.5 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu RM19.8 bilion," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | PKNS raih jualan RM37.8 juta |
| Muka Surat | : | 29 |

# PKNS raih jualan RM37.8 juta

Sebanyak 68 unit hartanah berjaya dijual, dalam kempen PKNS PLUS Mesti Beli

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) meraih jualan sebanyak RM37.8 juta menerusi kempen PKNS PLUS Mesti Beli yang diadakan pada 28 dan 29 Ogos lalu.

Ketua Pegawai Operasi PKNS, Suhaimi Kasdon berkata, PKNS berjaya menjual sebanyak 68 unit hartanah sepanjang tempoh kempen berlangsung berbanding sasaran awal 27 unit hartanah sahaja sekali gus melepasi sasaran jualan 158 peratus.

Menurutnya, antara projek yang mendapat sambutan paling menggalakkan ialah Puteri Elaisha di Kota Puteri, Taman Sijangkang Jaya di Sijangkang dan pangsapuri Selangorku di Cyberjaya.

"Kejayaan kempen program PKNS PLUS Mesti Beli ini adalah hasil rancangan rapi daripada unit jualan PKNS di samping pelbagai tawaran dan insentif hebat yang diberikan kepada semua pembeli hartanah PKNS.

"Selain itu, faktor sokongan lain seperti Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang rendah, pengecualian duti setem dan diskaun sehingga 20 peratus juga turut menyumbang kepada kejayaan kempen ini," katanya dalam satu kenyataan.



Salah satu projek perumahan yang dibina oleh PKNS.

*Kejayaan kempen program PKNS PLUS Mesti Beli ini adalah hasil rancangan rapi daripada unit jualan PKNS di samping pelbagai tawaran dan insentif hebat yang diberikan kepada semua pembeli hartanah PKNS."*

Suhaimi berkata, pencapaian itu dikira kejayaan berganda bagi kempen PKNS PLUS Mesti Beli kerana PKNS PLUS Siri 1/2021 berjaya mencapai nilai jualan secara keseluruhan lebih RM50 juta yang melibatkan 102 unit dan peratus pencapaian adalah 151 peratus.

Beliau berkata, strategi jualan dan pemasaran PKNS dalam menawarkan produk yang mesra pengguna selaras dengan keperluan lokasi serta jualan pada titik harga yang tepat terbukti berkesan.

"Kejayaan berganda ini telah membuktikan produk hartanah PKNS masih menjadi pilihan pelanggan dan mempunyai nilai jual yang tinggi dari segi lokasi dan kemudahan sekitar," katanya.

Menurutnya, PKNS meramalkan permintaan untuk produk hartanah miliknya akan terus meningkat berdasarkan kepada trend pembelian pelanggan sepanjang tahun ini.

PKNS PLUS Mesti Beli merupakan kempen jualan hartanah untuk orang awam memiliki hartanah PKNS dengan rebat dan diskaun eksklusif khas untuk pembeli pada waktu promosi.

Penganjuran program kali ini juga adalah bersempena ulang tahun PKNS ke-57 dan Bulan Kemerdekaan yang disambut pada Ogos lepas.

Kempen bagi program ini dijalankan secara hibrid iaitu digital dan konvensional, manakala penjualan secara dalam talian melalui PKNS X Line dan Media Sosial PKNS Property.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>22 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita RTM |
| Tajuk Berita | : | Jenazah Bapa Menteri Besar Selangor Selamat Dikebumikan |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 22 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Nasional FM (87.7) |
| Tajuk Berita | : | Kapasiti Jemaah Solat Jumaat Ditambah Kepada 1000 Orang |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | 1,500 Pelajar Di Daerah Kuala Langat Terima Vaksin Dos Pertama |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | MBI Sumbang RM50,000 Bantu Haiwan Terbiar |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Selvax Bergerak Dun Morib Lengang, Dijangka Ramai Yang Telah Mendapat Vaksin |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | FEEDBACK NEEDED |
| Muka Surat | : | 2 |

# FEEDBACK NEEDED

Kajang Municipal Council (MPKj) is seeking public feedback for its MPKj Strategic Plan 2021-2025. Stakeholders can view the plan via shorturl.at/otDIZ and submit their feedback at shorturl.at/jBHM3

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | PUBLIC COMPLAINTS APP |
| Muka Surat | : | 2 |

# PUBLIC COMPLAINTS APP

Subang Jaya City Council has developed a mobile app for public complaints such as double parking, illegal dumping, flood and fallen trees. The 'Aduan Awam MBSJ' app is available on Android and iOS platforms. Users are required to register at My@MBSJ first before they can start using the app.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 23 September 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Edge CEO Morning Brief |
| Tajuk Berita | : | As cases drop, Selayang Hospital, Serdang hospital no longer only to Covid-19 patients |
| Muka Surat | : | 6 |

# As cases drop, Selayang Hospital, Serdang Hospital no longer only for Covid-19 patients

Bernama

SHAH ALAM (Sept 22): Selayang Hospital and Serdang Hospital are expected to be removed as designated Covid-19 hospitals at the end of next month following the falling trend in infections in Selangor.

Selangor Public Health, Unity, Women and Family Development Committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud said, however, Sungai Buloh Hospital and Ampang Hospital will remain as Covid-19 hospitals.

She said since the middle of this month, Selayang Hospital and Serdang Hospital have been turned into hybrid hospitals and are no longer fully Covid-19 hospitals.

"We want both hospitals to return beds allocated for Covid-19 patients that are unoccupied to be returned to other patients," she said at a media conference today.

She said the state has also recorded decreasing infection cases including admission of patients to hospitals and the usage of beds in intensive care units as well as lower test positivity rate to 7% on week 37 compared with the highest of 23.3% at week 30.

"We are going in the right direction, despite less screening, the positive rate also dropped with the infectivity rate under the national level at 0.85," she said.

Apart from that, the recovery rate also rose to 97.1% and at the moment there are 10,656 active cases with most of them detected in Petaling, Hulu Langa, and Klang districts due to the population density.

Dr Siti Mariah said the positive development is the result of the cooperation from all parties in complying with the standard operating procedures as well as the high vaccination rate, which has succeeded in bringing down infections in the state.

Meanwhile, Selangor Health director, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, said the department is always on alert despite the falling transmissions in Selangor.

"At this time we must ensure the existing momentum and our staff are ready to be mobilised if required."

He said during the Covid-19 wave which affected the state, health clinic activities were limited to 25% and hospitals at 50% and now the services have been restored.

ZAHID IZZANI MOHD SAID/THE EDGE



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | A construction site was involved in illegal connection of water pipes |
| Muka Surat | : | 2 |

# 建築工地非法接駁水管遭取締

（吉隆坡22日讯）吉隆坡一个建筑工地涉及非法接驳水管，遭国家水务委员会和雪州水供管理公司取缔。

国家水务委员会和雪州水供管理公司的执法组日前采取联合行动，发现有关建筑工地非法以25毫米的HDPE水管接驳雪州水供管理公司的主要水管，疑是进行建筑活动和日常用途。

执法单位马上切断水供，同时将传召工地承包商给予解释。



■吉隆坡一个建筑工地涉及非法接驳水管，遭有关当局取缔。

国家水务委员会将致力打击类似非法活动，以减少无效益水的浪费。

非法接驳水管将抵触2006年水务工业法令第123（1）条文。在此条文下，罪成者可被罚款最高10万令吉或最高监禁1年，或两者兼施。

民众若有任何投诉和举报，可联系013-3885000或电邮aduan@span.gov.my。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | Heavy rain caused flood in many areas in Kuala Selangor, 68 families temporary stay at shelter |
| Muka Surat | : | 2 |

## 瓜雪暴雨多區水災

# 68戶暫住臨時收容中心



■居民住家淹水。（图来自祖华丽雅）

（吉隆坡22日讯）瓜雪多个地区于上周六一场暴雨时发生水灾，201名居民受灾情影响。

受影响地区包括甘榜兰斗班让、八丁燕带、甘榜巴力马恒（Parit Mahang）、而榄、甘榜丹绒暹（Tanjung Siam）。

雪州政府为此徵用当地3家国小作为临时收容中心，让受影响的68户家庭暂住。

雪州大臣政治秘书祖华丽雅接受《当今雪州》访问时说，兰斗班让国小的收容所在周日已启用，巴力马恒及巴桑安（Pasangan）国小的收容所则在周一与周二启用。

祖华丽雅也是武吉美拉华蒂州议员。她说，水灾肇因估计是雪兰莪河水，因大雨满溢流入居民住家。

另外，瓜雪县民防部队代队长马祖拉中尉受访时说，上周六下大雨，导致河水水位上涨1公尺，造成许多家庭被迫搬迁。

“我们也在观察甘榜关丹的情况。”

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**23 September 2021**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | JAS Selangor cooperate with MPK seized a illegal disposal of e-waste building that contain over 200 metric tons of e-wastes |
| Muka Surat | : | 4 |



■环境局与市议会联手取缔，在一个建筑物发现超过200吨电子垃圾。

# 雪環境局聯合巴生市會取締
# 起獲逾200噸電子垃圾

（莎阿南22日讯）雪州环境局联合巴生市议会，取缔一个位于巴生双溪普罗（Sungai Puloh）非法处理电子垃圾的建筑物，发现超过200吨电子垃圾。

雪州环境局主任诺阿兹亚指出，这场取缔在上周日进行，是当局今年最成功的一场取缔。

他说，在建筑物外一共发现200包含有各种电子垃圾，如电板、铜线电缆，应该根据2005年环境素质条例归类为SW110和SW422垃圾。

“取缔的时候，有数名外劳在手动式溶解一些电子垃圾，同时现场也有一部搅碎机，当局马上援引1974年环境素质法令第38（1）（A）条文制止该建筑物继续运作。”

他说，根据初步调查，怀疑这些电子垃圾是非法从外国入口，当局已援引1974年环境素质法令第34B条文和第18（1）条文开档调查。



■执法人员机场查封非法处理电子垃圾的建筑物。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>22 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sin Chew Daily |
| Tajuk Berita | : | Dickson Tan reports in every 2 weeks to help ICR gather vaccine side effect information |
| Muka Surat | : | 3 |

# 陳狄源隔2周通報狀況

## 助ICR收集混打疫苗副作用



陈狄源接种辉瑞疫苗后，愿意向卫生部临床试验研究所提供混打疫苗出现的副作用反应。（李景志摄）

（加影21日讯）已退出冠病疫苗临床试验计划的加影市议员陈狄源，上周四直接登门接种辉瑞疫苗后，他将每隔两星期为卫生部临床试验研究所（ICR）报告混打疫苗出现的副作用反应。

陈狄源指出，他之前参与冠病疫苗临床试验计划，在2月份完成两剂科维福冠病疫苗，退出该计划后，相隔7个月再接种辉瑞疫苗，因此ICR向退出该计划的志愿者，收集混打疫苗副作用的反应，而他是其中一人。

他说，他不担心混打疫苗，因为危险率极低，几天前注射第一剂辉瑞疫苗后，出现的副作用只是轻微发烧。

“据我了解，退出有关计划的志愿者，大部分是担心混打疫苗带来严重不良反应，他们最后选择注射科兴疫苗，但我所认识全马各地约40多名志愿者，有部分人是接受混打疫苗。”

他披露，志愿者清楚明白选择退出后，ICR不会负责往后健康风险，包括接种任何一个品牌的疫苗，但ICR需要收集混打疫苗副作用反应，他是自愿提供。

“或者说我间接成为混打疫苗‘试验品’虽然ICR不再对我健康负责，但是我每隔两星期会向ICR通报混打疫苗后的健康状况，直至明年3月为止，让ICR收集资料。”

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sin Chew Daily |
| Tajuk Berita | : | DIY mooncake online |
| Muka Surat | : | 7 |

# 線上DIY月餅

中秋佳节你尝试过自己亲手做的月饼吗?

由龙溪区雪邦市议员李干民的大力支持，龙溪新村管委会主席李桂安全力配合，以及羡喻音乐教室协办同一屋檐庆中秋，线上月饼DIY活动顺利举行。

此线上活动开放给30名龙溪村民免费参与，在Zoom线上制作冰皮月饼，获得免费的材料盒，以及脸书直播猜灯谜赢神秘礼物。

由于长期抗疫待在家，这次参与的家长和小朋友都很开心，可以学习自己DIY制作冰皮月饼，也可以一起玩游戏猜灯谜，增加亲子关系，更可以从主持人了解到中秋节的知识和故事，获益良多。



图中第一排左起为李干民、李桂安、月饼师父黄韦历、主持人黄羡鋆及黄羡喻。（图由李干民提供）

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Nanyang Siang Pau |
| Tajuk Berita | : | MPK digs into local history, explores steps towards 'Bandar Warisan Diraja' |
| Muka Surat | : | 1 |

## 巴生市会挖掘本土历史
# 探讨迈向“皇家遗址城”



巴生市议会举办研讨会，进一步朝“皇家遗址城”目标迈进。

（巴生22日讯）巴生市议会积极挖掘本土历史，日前特办一场巴生历史与遗产网络研讨会，以便集思广益，进一步朝时代与历史并存的“皇家遗址城”（Bandar Warisan Diraja）目标迈进。

研讨会邀请了很多历史专家、教授、博士等出席，作为展示研究结果的平台，大家积极发表对巴生历史和遗产发展的新注解，希望进一步激发对巴生历史和遗产的思考、写作、研究、解释等，使资料更加平衡和全面。

参与这项研讨会的还有王室成员、酋长、巴生地区官员、市议会官员、各政府和私人机构代表、村长、教师、学生、社区组织、旅游机构等。

## 市会主席：大马最古老地区之一
# 发展须兼顾历史遗迹

巴生市议会主席阿末法兹里说，巴生是马来西亚最古老的地区之一，历史遗迹丰富，在历史或考古方面被广泛讨论，所以市议会需要发挥作用，确保巴生的发展兼顾影响力和历史遗迹。

他说，这很重要，因为对过去的了解，能使我们能够更加仔细地规划发展，如果历史元素能成为每个城市或乡村发展规划的核心和应用，巴生肯定会成为一个繁荣的地区，并成为维护国家遗产的领导者。

他指出，巴生于今年8月1日庆祝131岁“生日”，从殖民时代、经济衰退、世界大战、紧急状态，直到马来西亚独立，巴生都是“见证者”。

“巴生的历史，也可追溯到4500年前，巴生人留下的文物，不仅描述了他们的生活方式，也证明了巴生曾经有过文明。”

他说，市议会已设定目标，通过繁荣巴生理念，使巴生成为一个历史与时代繁荣并存的城市。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Nanyang Siang Pau |
| Tajuk Berita | : | Menteri Besar of Selangor is sad to see her father pass away and says "a model for me to follow in my life" |
| Muka Surat | : | 17 |

# "我的人生学习楷模"
# 雪大臣不舍父亲离世

（笨珍22日讯）雪兰莪州务大臣拿督斯里阿米鲁丁对其父亲的离世感到不舍和痛心，直言父亲的离世是家庭的巨大损失。

他说，已故父亲沙里莫辛启发他如何成为坚强的人，也是他人生的学习楷模，让他勇敢面对生活的挑战。

## 赶回笨珍奔丧

已故沙里莫辛曾是公务员，随后转行从事许多工作，包括耕种及德士司机，让阿米鲁丁从小就从他身上学到刻苦耐劳的精神，引导了他从政的意愿，开启政治生涯。

阿米鲁丁是从雪州回到老家柔佛州笨珍奔丧，他向"当今雪州"说，其父亲患有心脏病，医药报告显示父亲是于昨午5时30分，因心脏病发作而病逝。



阿米鲁丁从雪州赶回家乡奔丧，见父亲最后一面。

沙里莫辛于昨午因心脏病发逝世，享年67岁，他于今天葬在柔佛笨珍的甘榜巴力阿山坤邦回教坟场。他留下67岁的遗孀乌丽安、6名孩子和22名孙子。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Guang Ming Daily |
| Tajuk Berita | : | Selangor Environment Bureau seizure factory; Seized 200k kg of electronic waste. |
| Muka Surat | : | 4 |

（巴生22日讯）巴生一间非法运作的电子废料厂，遭雪州环境局执法人员发现，厂内有200多袋重达20万公斤疑非法进口我国的电子废料，因此为了停止一切的污染行为，执法队指令该厂立刻停运和被查封。



■非法电子废料厂，遭环境局执法人员被查封。

# 雪環境局查封工廠
# 起20萬公斤電子廢料

雪州环境局日前联合巴生市议会，前往巴生一间非法运作的电子废料厂展开取缔行动，并发现厂内有电子废料，而且当时有数名外劳员工正拆卸电子配件，抵触污染条例。

### 疑非法进口我国

据了解，环境局接获情报后，于上周日开始部署这场取缔行动，成功起获200多袋各类电子废料，而且还堆满厂内和厂外范围。

为此，业者的行径抵触2005年环境素质（受管制废料）条规。

环境局在脸书贴文指出，当时，执法人员在工厂内发现数名外劳员工拆卸电子零件，旁边还有一架绞碎机，因此执法队援引1974年环境素质法令第38（1）（a）条文，指令该厂立刻停运和被查封。

贴文说，环境局看重任何受管制废料的进出口申请，必须符合1974年环境素质法令第34B条文，否则一律采取对付行动。

执法队援引相同法令第34B条文、第19条文及第18（1）条文查案。（TSI）